

Al-Quran dalam Era Kecerdasan Buatan (AI): Peluang dan Cabaran Dakwah Maya

The Quran in the Era of Artificial Intelligence (AI): Opportunities and Challenges of Virtual Da'wah

Ahmad Zulfiqar Shah bin Abdul Hadi

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI),
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

Corresponding author: zulfiqar@fsk.upsi.edu.my

Received: 25 September 2025; **Revision:** 01 December 2025 **Accepted:** 10 December 2025; **Published:** 15 December 2025

To cite this article (APA): Abdul Hadi, A. Z. S. (2025). Al-Quran dalam Era Kecerdasan Buatan (AI): Peluang dan Cabaran Dakwah Maya. AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture, 3(2), 84-95. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol3.2.8.2025>

Abstrak

Era Kecerdasan Buatan (AI) telah membawa perubahan yang amat signifikan dalam pelbagai sektor kehidupan, termasuklah pendekatan terhadap pelaksanaan dakwah Islamiah. Kajian ini meneliti potensi serta cabaran penggunaan teknologi AI dalam memperkasa penyampaian dakwah berasaskan al-Quran di ruang digital. Antara peluang yang dikenal pasti ialah pembangunan aplikasi interaktif berasaskan AI seperti akses global tanpa sempadan, penggunaan chatbot, platform pembelajaran al-Quran digital, pengalaman dakwah yang diperibadikan, serta AI sebagai instrumen bagi tujuan bacaan dan hafazan al-Quran (Hifz). Namun demikian, kajian ini turut menyoroti beberapa cabaran utama, antaranya risiko penularan maklumat tidak sahih, kemungkinan manipulasi terhadap kandungan wahyu, kehilangan nilai-nilai kemanusiaan, serta isu etika berkaitan penggunaan data dan algoritma AI. Pendekatan kualitatif digunakan melalui analisis kandungan dan sorotan literatur bagi menilai kesesuaian serta keberkesanan integrasi AI dalam penyampaian mesej al-Quran secara menyeluruh dan beretika. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang ke arah pembentukan satu model dakwah maya yang autentik, inklusif dan berdaya saing dalam era teknologi pintar.

Kata kunci: Al-Quran, Kecerdasan Buatan (AI), Dakwah Maya, Teknologi

Abstract

The era of Artificial Intelligence (AI) has ushered in significant transformations across various sectors of life, including the approach to Islamic da'wah (propagation). This study explores the potential and challenges of utilizing AI technologies to enhance the dissemination of Quran-based da'wah in digital spaces. Identified opportunities include the development of interactive AI-based applications such as borderless global access, chatbots, digital Quran learning platforms, personalized da'wah experiences and AI as a tool for Quran reading and memorization (Hifz). However, the study also highlights several challenges, including the risk of spreading unauthentic information, manipulation of revealed content, the loss of humanistic elements, and ethical concerns surrounding data usage and AI algorithms. A qualitative approach is employed, using content analysis and literature review to assess the appropriateness and effectiveness of AI integration in conveying the message of the Quran in a holistic and ethical manner. The findings of this study aim to contribute towards the development of an authentic, inclusive, and competitive model of virtual da'wah in the age of intelligent technology.

Keywords: Qur'an, Artificial Intelligence (AI), Virtual Da'wah, Technology

Pengenalan

Era Revolusi Industri 4.0 yang dikenali dengan ledakan teknologi seperti Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*, AI), *Internet of Things* (IoT), dan Data Raya (*Big Data*) telah mencetuskan transformasi besar dalam pelbagai sektor kehidupan termasuk bidang pengajian al-Quran. Kecerdasan buatan kini berperanan bukan sekadar sebagai alat bantu teknologi, malah berpotensi menjadi pemangkin kepada inovasi dalam penyampaian al-Quran di ruang maya. Justeru, Al-Quran sebagai sumber utama Islam perlu terus diketengahkan secara efektif melalui medium digital agar ia kekal relevan dalam kehidupan masyarakat moden.

Penggunaan AI dalam sistem carian pintar al-Quran, terjemahan automatik Al-Quran, *chatbot* (ejen perbualan automatik) Islamik dan platform pembelajaran automatik membolehkan penyampaian mesej al-Quran yang lebih pantas, bersasar, bersifat peribadi dan selari dengan tahap kefahaman serta keperluan individu (Bashir et al., 2023). Fenomena ini menjadikan dakwah al-Quran lebih mudah diakses, bersifat inklusif, dan interaktif berbanding sebelumnya (Zuharin & Satriah, 2023). Namun begitu, keterbukaan dan kepantasan teknologi digital turut membawa cabaran besar terhadap kesahihan kandungan dakwah, khususnya apabila melibatkan tafsir al-Quran dalam ruang maya. Kewujudan pelbagai platform terbuka telah meningkatkan risiko penyebaran tafsir yang tidak sahih, manipulasi maklumat agama, serta eksploitasi kandungan Islamik oleh algoritma yang cenderung kepada populariti berbanding ketulenan ilmu (Al-Momani, 2025). Menurut Muhammad et al. (2025), dakwah Islam yang dibangunkan melalui kecerdasan buatan tanpa bimbingan pakar agama berpotensi menimbulkan salah faham terhadap ajaran Islam. Firman Allah SWT memberi amaran:

وَلَا تَقُولُوا لِمَا تَصِفُ أَلْسِنَتُكُمُ الْكَذِبَ هَذَا حَلَالٌ وَهَذَا حَرَامٌ لِّتَفْتَرُوا عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ

Terjemahan: “Dan janganlah kamu mengatakan terhadap apa yang disebut oleh lidahmu secara dusta: ‘Ini halal dan ini haram’, untuk mengada-adakan pendustaan terhadap Allah” (Surah al-Nahl, 116).

Justeru, artikel ini bertujuan untuk meneliti peluang dan cabaran yang wujud dalam menyebarkan al-Quran melalui medium kecerdasan buatan, serta mengusulkan pendekatan yang lebih strategik dan beretika dalam menguruskan teknologi ini secara Islamik.

Latar Belakang Kajian

Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*) merujuk kepada keupayaan mesin atau sistem komputer untuk melaksanakan tugas yang lazimnya memerlukan kecerdasan manusia, seperti pemikiran logik, pembelajaran, dan penyelesaian masalah (Russell & Norvig, 2021). Dalam konteks kontemporari, AI digunakan dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan, perubatan, kewangan dan termasuk dakwah Islamiah. Islam sangat menekankan pencarian dan penggunaan ilmu pengetahuan. Al-Quran menegaskan bahawa ilmu adalah anugerah Allah yang membezakan manusia daripada makhluk lain (Surah al-Baqarah, 31).

Dalam perspektif Islam, kecerdasan buatan (AI) dianggap sebagai hasil daripada ilmu dan kreativiti manusia, yang harus digunakan selagi ia mematuhi prinsip-prinsip syariah. AI boleh berfungsi sebagai alat yang beretika jika dibangunkan dengan berpanduan *maqasid al-syari'ah* (objektif pensyariaan) seperti yang diketengahkan dalam kerangka etika Islam (Mas'ar, F. 2024). Kajian oleh Nawi et. al (2023) menegaskan perlunya membangunkan kerangka rujukan Islam untuk mengawal selia penyelidikan AI secara etika, berasaskan nilai masalah untuk melindungi hak dan kepentingan ummah Muslim global. Di samping itu, etika berasaskan keutamaan nilai dan berasaskan maqāṣid mampu membina masyarakat dan individu yang beretika dalam penggunaan AI (Discover AI, 2022). Kajian oleh Kannike dan Fahm (2025) juga menegaskan bahawa kerangka etika Islam menyediakan asas panduan yang kukuh untuk membentuk tadbir urus kecerdasan buatan (AI) yang bertanggungjawab, berintegriti dan berorientasikan kelestarian. Penggunaan AI mesti ditimbang berdasarkan prinsip maqasid syariah, khususnya dalam memelihara agama (*hifz al-din*), nyawa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-aql*), keturunan (*hifz al-nasl*) dan harta (*hifz al-mal*).

Menurut Mohd Naim Yaakub (2022), teknologi kecerdasan buatan (AI) berpotensi besar menyokong pembelajaran sendiri serta memperkukuh keterlibatan pelajar melalui pengalaman pendidikan Islam yang lebih interaktif, responsif dan mesra digital. Sehubungan dengan itu, umat Islam disaran untuk tidak sekadar menjadi pengguna pasif, tetapi turut berperanan sebagai pencipta dan pengembang teknologi yang mematuhi syariah, berteraskan prinsip tauhid serta selaras dengan *maqasid al-syari'ah*. Pendekatan ini penting agar teknologi AI dapat dimanfaatkan sebagai medium dakwah yang berkesan serta menjadi pemangkin kemajuan ummah yang beretika, inklusif dan berpaksikan nilai-nilai Islam yang autentik (Nawi et al., 2023; Ramlan & Siti, 2025).

Penggunaan AI yang menjejaskan akidah, melanggar kerahsiaan maklumat, atau membuka ruang kepada maksiat adalah jelas bertentangan dengan prinsip-prinsip syariah. Menurut Osman Bakar (2016), kemajuan sains dalam Islam hendaklah digerakkan seiring dengan nilai-nilai wahyu dan tidak dibiarkan bersifat tidak dibiarkan bersifat sekular atau terpisah daripada etika Ilahi. Sejalan dengan itu, Al-Attas (1995) menegaskan bahawa ilmu dalam Islam bukan sekadar himpunan fakta atau data, tetapi mesti dihubungkan dengan hikmah serta dibimbing oleh akhlak. Atas dasar tersebut, teknologi AI dalam perspektif Islam perlu dilihat sebagai alat yang menuntut pengurusan beretika dan bersandarkan tanggungjawab moral (Etzioni & Etzioni, 2017). Oleh itu, manusia tidak boleh menyerahkan sepenuhnya kuasa membuat keputusan kepada mesin tanpa pertimbangan moral dan panduan nilai wahyu.

Selain itu, Zuharin & Satriah (2023), kecerdasan buatan merupakan satu bentuk evolusi teknologi yang berpotensi untuk menyokong pelaksanaan syariah, pendidikan, dan dakwah Islamiah jika diuruskan secara beretika dan berpandukan nilai-nilai Islam. Mereka menekankan bahawa AI perlu dilihat dalam kerangka "*teknologi yang berfungsi sebagai khadam kepada kemanusiaan dan bukan sebagai pengganti manusia*".

Peluang Integrasi Al-Quran dan AI dalam Dakwah Maya

Integrasi AI dengan al-Quran membolehkan pembangunan aplikasi pintar yang bukan sahaja meningkatkan keberkesanan penyampaian mesej Islam, malah berpotensi menarik minat generasi digital yang lebih cenderung kepada penggunaan teknologi (Borham & Ghani, 2015). Justeru, AI berperanan sebagai medium pelengkap kepada usaha dakwah tradisional dengan memperluas capaian, mempercepat proses penyebaran maklumat, dan menjadikan kandungan al-Quran lebih mudah diakses dan difahami oleh pelbagai lapisan masyarakat. Berikut adalah antara peluang yang boleh dimanfaatkan dalam integrasi AI dalam bidang Pendidikan al-Quran:

1. Akses Global dan Jaringan Tanpa Sempadan

Salah satu kelebihan utama integrasi kecerdasan buatan (AI) dalam dakwah berteraskan al-Quran ialah keupayaannya membuka akses global tanpa batasan geografi, bahasa dan masa. Teknologi AI membolehkan kandungan al-Quran disampaikan dalam pelbagai bentuk sama ada teks, audio, video, dan interaktif yang boleh disesuaikan mengikut keperluan pengguna. Melalui sistem terjemahan automatik dan penyesuaian konteks berdasarkan teknologi *natural language processing* (NLP), pengguna kini boleh mengakses al-Quran dan terjemahannya dalam pelbagai bahasa secara lebih tepat dan bersifat mesra budaya (Zuharin & Satriah, 2023). Ini menjadikan mesej al-Quran dapat difahami oleh masyarakat bukan Arab di seluruh dunia dengan lebih mudah dan menyeluruh.

AI juga telah memperluas kefahaman al-Quran yang bukan hanya dalam masjid dan dewan kuliah, bahkan ia membolehkan penyampaian mesej Islam berlaku secara langsung (*live*) melalui media sosial, webinar dan *chatbot*. Menurut Sri Wahyuni (2022), AI mencipta ekosistem penyampaian maklumat digital yang responsif, terbuka dan mesra pengguna, sekaligus menjadikan dakwah lebih mudah diakses oleh semua sama ada generasi muda bahkan oleh orang bukan Islam. Dengan capaian tanpa had dan keupayaan menyesuaikan kandungan mengikut minat dan profil pengguna, AI menjadi alat strategik dalam penyampaian dakwah Islam yang bersifat global, interaktif dan berimpak tinggi.

2. Peluang Pembelajaran Interaktif dan Efektif

Menurut Al-Dahdouh et al. (2020), pembelajaran digital yang berasaskan AI dapat menyesuaikan kandungan dengan gaya pembelajaran individu, mempercepat proses pemahaman serta membina hubungan dua hala yang lebih aktif antara pengguna dan sumber ilmu. Dalam konteks pengajian al-Quran, teknologi pengecaman suara telah mula diterapkan dalam aplikasi-aplikasi Islamik. Ia bertujuan untuk memudahkan pencarian ayat al-Quran berdasarkan persoalan harian, sekaligus menjadikan proses pembelajaran lebih interaktif (Nasir et. al 2024).

Demikian juga menurut Zuharin dan Satriah (2023), keupayaan AI untuk mengesan, menghubungkan dan menghuraikan kandungan wahyu berdasarkan keperluan pengguna masa kini

dapat dianggap sebagai bentuk ijtihad teknologi yang menuntut pengurusan yang berhikmah serta penuh tanggungjawab. Sehubungan itu, penggunaan aplikasi pintar bukan sahaja memudahkan interaksi masyarakat dengan al-Quran, bahkan turut merangsang minat mendalami makna, konteks dan mesej sebenar wahyu secara lebih menyeluruh dan bersifat peribadi.

Sebagai contoh, aplikasi seperti Tarteel AI telah menggunakan kecerdasan buatan untuk membantu pengguna menyemak bacaan al-Quran, mengenal pasti kesalahan, dan mencadangkan penambahbaikan secara automatik. (Tarteel.ai, 2024). Malah, Tarteel AI membolehkan pengguna membaca al-Quran sambil dipantau bacaan secara langsung dengan teguran kesalahan secara serta-merta menggunakan teknologi pengecaman suara. Tambahan pula, OpenAI (2023) melaporkan bahawa model pemprosesan bahasa seperti ChatGPT boleh digunakan untuk menjawab soalan-soalan tentang ayat al-Quran, memberi penerangan berdasarkan tafsir-tafsir utama, dan bahkan membantu pengguna mengaitkan konteks ayat dengan realiti semasa. Ini memperluas fungsi AI bukan sahaja sebagai alat bantu pembacaan, tetapi juga sebagai medium tadabbur yang boleh diakses secara fleksibel.

3. Pengalaman Pengajaran al-Quran Secara Peribadi dan Kendiri

Pengalaman pengajaran al-Quran secara sendiri merujuk kepada keupayaan sistem berasaskan AI menyesuaikan kandungan pembelajaran mengikut tahap kemampuan, gaya belajar dan keperluan individu murid. Dalam era kecerdasan buatan, proses pembelajaran al-Quran menjadi lebih interaktif dan relevan apabila teknologi mampu mengesan kelemahan bacaan, menilai tahap hafazan serta mengenal pasti corak pembelajaran seseorang pelajar secara lebih terperinci. Contohnya, aplikasi Tarteel AI telah memanfaatkan teknologi pengecaman suara untuk membetulkan bacaan al-Quran pengguna secara automatik mengikut kaedah tajwid, sekali gus memperkukuh pembelajaran yang bersifat peribadi dan sendiri (Tarteel.ai, 2024). Kajian oleh Wahid dan Khan (2024) turut menunjukkan bahawa platform e-pembelajaran berasaskan profil pengguna mampu meningkatkan penglibatan pelajar, keberkesanan proses pembelajaran serta tahap kepuasan pengguna.

Dalam konteks pendidikan Islam, Mustoip et al. (2024) menegaskan bahawa penerapan AI dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah berupaya memudahkan penyesuaian kandungan mengikut keperluan pelajar. Ini termasuk penyampaian modul hafazan berperingkat, penilaian bacaan secara automatik, serta bahan interaktif yang meningkatkan pemahaman terhadap al-Quran dan ilmu-ilmu Islam. Menurut Abdul Qayyum & Saifullah (2025), pendekatan ini membolehkan umat Islam menerima bimbingan agama yang bersifat peribadi tanpa perlu bergantung sepenuhnya kepada sesi kuliah umum.

Namun begitu, personalisasi dalam pengajaran al-Quran perlu dikawal rapi agar tidak menimbulkan risiko bias algoritma yang boleh mengubah maksud ayat atau memberi tafsiran yang tersasar daripada disiplin ilmu tafsir. Zhang et al. (2025) memberi amaran bahawa bias kognitif dalam AI generatif boleh memperkukuh salah tanggapan serta mempengaruhi kefahaman pengguna terhadap doktrin agama. Oleh itu, peranan guru, ulama, dan pakar al-Quran tetap penting sebagai pengawas kandungan dan pentafsir autoritatif dalam memastikan integriti ilmu al-Quran terus terjamin.

4. AI sebagai Pembantu Menghafaz al-Quran (Hifz)

Kecerdasan buatan (AI) semakin memainkan peranan penting dalam membantu proses pembacaan dan hafazan al-Quran khususnya dalam kalangan generasi digital. Dengan keupayaan menganalisis, pengecaman suara, dan mesin pembelajaran (*machine learning*), AI menyediakan sokongan bersifat peribadi, interaktif dan berterusan dalam usaha membentuk penghafaz al-Quran yang lebih cekap dan konsisten (Nik Nurul Akmal et. al. 2025). Aplikasi yang menggunakan teknologi pengecaman suara (*speech recognition*) untuk memberi maklum balas masa nyata, mengenal pasti kesilapan bacaan, ayat tertinggal dan ketepatan tajwid secara automatik. Ini membolehkan pelajar memperbetulkan hafazan sendiri tanpa bergantung sepenuhnya kepada guru (Tarteel.AI, 2024)

Selain itu, menurut Haryono et. al (2023) menyatakan bahawa sistem al-Quran digital menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi dapat memudahkan murajaah, lebih sistematik dan boleh mengekalkan konsistensi hafazan dalam kalangan pelajar. Menurut Yusup et al. (2025), latihan murajaah yang disokong teknologi digital boleh memperkuat daya ingatan, pemahaman pelajar terhadap ayat serta membantu menyediakan struktur ulang kaji secara berjadual dan personal. Berikut adalah perbandingan bagi tiga aplikasi iaitu Mushafi, Tarteel.ai, dan Think Quran:

Jadual 1: Perbandingan Bagi Tiga Aplikasi iaitu Mushafi, Tarteel.ai, dan Think Quran

Aspek / Aplikasi	Mushafi	Tarteel.ai	Think Quran
Pengasas	Perisian Huda Sdn. Bhd (Malaysia)	Tarteel Inc. (Amerika Syarikat)	Think Quran Ltd. (UK)
Bahasa	Arab, Inggeris (Bahasa Melayu terhad)	Arab, Inggeris	Arab, Inggeris, Melayu, Indonesia, Turki, Malayalam
Kandungan Utama	- Mushaf digital - AI semak hafazan (offline) - Pencarian ayat - Mod aktiviti harian - Pelajar tahfiz	- AI semak kesilapan bacaan masa nyata - Mod hafazan interaktif	- Pembelajaran perkataan al-Quran - Modul Bahasa Arab harian - Teknik ingat dan faham
Sasaran	- Guru - Kawasan kurang internet	- Pelajar Tahfiz - Pengguna mahukan semakan AI segera	Pemula Bahasa Arab-Orang awam yang mahu faham Quran
Kelebihan	- Berfungsi tanpa internet - Fokus hafazan - Sama mushaf cetak	- AI masa nyata - Cari ayat dengan suara - Penilaian segera	- Belajar tanpa asas Arab - Fokus faham maksud - Sesuai semua peringkat umur

Justeru, dengan gabungan ciri pengesanan suara, gamifikasi, serta rekod kemajuan pelajar menjadikan AI berpotensi dan boleh bertindak sebagai pembantu hafazan yang mesra pengguna, responsif dan efektif. Guru tahfiz pula boleh memberi tumpuan kepada pembangunan rohani, adab dan motivasi pelajar kerana aspek teknikal telah dibantu sebahagiannya oleh sistem AI.

Isu, Cabaran dan Risiko Pengajian Al-Quran Dalam Dakwah Maya Berasaskan AI

Kemunculan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam bidang dakwah membuka ruang interaksi baharu dalam penyampaian kandungan al-Quran secara digital. Namun, perkembangan ini turut mengundang beberapa isu yang perlu diteliti, khususnya dari sudut ketulenan maklumat,

keabsahan tafsiran, serta ketepatan konteks penyampaian. Tanpa pengawasan autoriti ilmiah dan syarak, dakwah maya berasaskan AI berpotensi menimbulkan salah faham, penyalahgunaan data, serta bias algoritma yang boleh menjejaskan kefahaman sebenar terhadap wahyu Ilahi. Oleh itu, bahagian ini membincangkan secara kritis pelbagai cabaran dan risiko yang timbul dalam pengajian al-Quran melalui pendekatan teknologi terkini ini. Berikut antara isu, cabaran dan risiko pengajian al-Quran dalam dakwah maya berasaskan AI iaitu:

1. Ketulenan dan Keabsahan Kandungan

Dalam era kecerdasan buatan (AI) dan transformasi digital, pengajian al-Quran melalui platform maya semakin meluas. Namun, walaupun pendekatan ini menjanjikan akses lebih mudah dan interaktif kepada masyarakat, ia turut menimbulkan persoalan kritikal berkenaan ketulenan (*authenticity*) dan keabsahan (*validity*) kandungan al-Quran serta interpretasinya dalam ruang digital. Salah satu isu utama ialah kebolehpercayaan kandungan yang disampaikan melalui sistem berasaskan AI.

Banyak aplikasi atau chatbot dakwah bergantung pada sistem AI yang dilatih menggunakan set data berskala besar (*big data*), yang kadangkala merangkumi tafsiran tidak sahih, pandangan ekstrem, atau maklumat bercampur antara sumber muktabar dan tidak muktabar. Situasi ini menimbulkan kerisauan terhadap ketulenan kandungan Islamik apabila AI dibangunkan tanpa penglibatan autoriti agama (Mahrusah, 2025). Tanpa semakan ulama, AI berisiko menghasilkan tafsiran salah atau kandungan yang terkeluar daripada konteks sebenar. Latifi (2024) menegaskan bahawa model AI sering berhadapan isu ketelusan, kelemahan interpretasi, serta kurang dipercayai. Oleh itu, Usmonov (2025) menyatakan bahawa fatwa yang dijana AI tidak mampu menggantikan autoriti ulama kerana keterbatasan AI dalam penaakulan yang tepat.

Selain itu, kajian Djazilan et. al (2024) menunjukkan bahawa apabila model AI dilatih menggunakan data generik, khususnya dari konteks bukan Islam atau Barat, ia berisiko menghasilkan bias algoritma yang menyimpang daripada syariat Islam. Hal ini boleh menyebabkan penyampaian tafsiran ayat al-Quran yang tidak tepat, atau mungkin bercanggah dengan disiplin ilmu tafsir yang sahih. Kandungan berasaskan AI yang tidak diselia ini boleh menimbulkan salah faham dalam kalangan pengguna terhadap maksud sebenar ayat al-Quran.

Ketiadaan sistem piawaian yang kukuh juga boleh menimbulkan cabaran dalam membezakan antara tafsir muktabar dengan pendapat awam atau tafsiran yang tidak disahkan. Kajian oleh Zhang et al. (2023) mendapati bahawa walaupun AI generatif seperti ChatGPT mampu menjawab soalan agama secara tepat dalam konteks tertentu, namun ia sering memberikan jawapan bercampur atau tidak menyatakan sumber dengan jelas apabila berdepan soalan mendalam berkaitan tafsir atau hukum fiqh. Selain itu, terdapat berkemungkinan penyalahgunaan AI dalam menyebarkan maklumat al-Quran yang telah dimanipulasi dan palsu, tafsiran salah, suntingan audio bacaan al-Quran yang diubah secara digital (Abu Khadeejah, 2023), atau kandungan video berunsur pemalsuan menggunakan suara menyerupai ulama terkenal.

2. Kehilangan Sentuhan Insaniah dalam Pengajian al-Quran

Kemajuan teknologi kecerdasan buatan (AI) telah membuka peluang luas dalam bidang dakwah dan pendidikan Islam, khususnya dalam penyampaian dan pengajian al-Quran secara maya. Platform berasaskan AI kini mampu menyampaikan tafsir al-Quran, membimbing

tajwid, dan menjawab soalan agama dalam masa nyata dengan capaian yang melangkaui sempadan geografi. Namun begitu, di sebalik kelebihan yang ditawarkan, terdapat isu, cabaran, dan risiko yang perlu diperhalusi, terutamanya berkaitan dengan kehilangan sentuhan insaniah yang menjadi teras dalam pendidikan al-Quran secara tradisional.

Analisis oleh Nirwana et. al (2025) turut menegaskan bahawa AI masih kekurangan dalam aspek afektif seperti pembentukan adab, nilai moral, dan hubungan spiritual, yang biasanya terbina melalui interaksi langsung antara guru dan pelajar. Dalam tradisi Islam, penghayatan terhadap al-Quran bukan sekadar berasaskan kefahaman semata, tetapi turut memerlukan pendekatan hati, rohani dan adab. Abdul-Jabbar (2024) menyatakan bahawa AI tidak mampu menggantikan keupayaan hati manusia dalam memahami makna ilahi yang mendalam serta peranan muhasabah dalam kehidupan seorang Muslim. Hal ini dibimbangi akan menjejaskan maksud sebenar pengajian al-Quran yang bertujuan mendidik jiwa dan membentuk akhlak, bukan sekadar menyampaikan maklumat (Mohamed, 2023). Transformasi dalaman yang sepatutnya berlaku hasil daripada proses tadabbur dan tazakkur mungkin menjadi lemah apabila pendekatan digital terlalu dominan. Menurut Hassan (2023), pembangunan teknologi yang tidak disertai dengan elemen *heartware* iaitu nilai, adab dan tanggungjawab moral boleh membawa kepada kerosakan jangka panjang terhadap kefahaman agama.

3. Pemahaman yang Terlalu Literal

AI berisiko mentafsir ayat al-Quran secara literal apabila sistem dibina hanya berdasarkan analisis literal teks tanpa pengetahuan *usul tafsir*, sebab turunnya ayat (*asbāb al-nuzūl*), atau konteks sejarah dan sosial. Tanpa kefahaman mendalam tentang jenis ayat (seperti '*am* (umum) dan *khas* (khusus), *nasikh* dan *mansūkh*), AI akan mencadangkan tafsiran yang tidak mencerminkan tujuan dan intipati sebenar wahyu. Tambahan pula, model AI generatif tidak mampu membezakan *maqāṣid al-sharī'ah* dan struktur retorik dalam ayat al-Quran (Oshallah et al., 2025).

Ini menunjukkan AI lebih cenderung memberi jawapan literal tanpa kefahaman yang tepat akan menjejaskan kandungan tafsir daripada tujuan sebenar wahyu. Maka, walaupun AI membantu dalam memberikan maklumat dan ilmu namun kefahaman literal semata-mata tanpa penyeliaan ilmiah berpotensi membawa pemahaman al-Quran yang dangkal dan tidak sahih. Justeru, pergantungan kepada tafsiran AI ini memerlukan semakan berganda bagi memastikan ia tidak terpesong dan menyeleweng.

Strategi dan Saranan

Dalam menghadapi era kecerdasan buatan (AI), pendekatan strategik dan saranan konkrit diperlukan agar dakwah al-Quran melalui medium maya dapat dimanfaatkan secara optimum dan tetap selari dengan prinsip-prinsip Islam. Antaranya ialah sebagaimana berikut:

- i. Institusi Islam dan para ulama berperanan besar dalam menyediakan garis panduan yang jelas supaya teknologi digunakan dengan tertib dan selaras dengan prinsip Islam. Garis panduan ini perlu memastikan tafsiran, penyampaian dan kandungan al-Quran yang dibawa oleh teknologi sentiasa tepat dan tidak menyeleweng. Apa-apa sistem AI generatif seperti chatbot agama, aplikasi tafsir digital atau platform pengajaran pula mesti diteliti dari sudut hukum syarak terlebih dahulu agar tidak menyebarkan pemahaman yang salah atau bercanggah dengan disiplin ilmu tafsir yang sahih.

- ii. Untuk mengatasi isu hilangnya sentuhan insaniah dalam pengajian al-Quran akibat penggunaan AI, perlu ada pendekatan holistik yang mengimbangkan teknologi dengan nilai kemanusiaan. Pelajar perlu dibekalkan dengan nilai emosi dan spiritual supaya tidak kehilangan ruh tadabbur dalam pembelajaran maya, serta kekal dibentuk dengan tarbiah, adab dan tazkiyah. Dengan cara ini, teknologi bukan sekadar alat, tetapi menjadi wasilah yang mendekatkan manusia kepada al-Quran dan Penciptanya.
- iii. Penglibatan aktif ulama dan pakar AI sangat penting dalam membangunkan sistem yang lebih bertanggungjawab dan sesuai dengan konteks Islam. Kerjasama rentas bidang ini boleh melahirkan algoritma yang bukan sahaja menganalisis teks al-Quran, tetapi juga mengambil kira maqasid al-Syariah, Ulum al-Quran, serta tradisi tafsir yang sahih.
- iv. Pembangunan literasi AI dalam kalangan pendakwah, guru dan pelajar Islam amat penting. Latihan khusus serta modul kesedaran perlu disediakan agar masyarakat Islam memahami kekuatan dan keterbatasan teknologi ini. Dengan kefahaman yang betul, pengguna boleh memanfaatkan AI sebagai alat sokongan untuk memahami al-Quran tanpa bergantung secara mutlak atau menerima maklumat tanpa semakan. Literasi digital berasaskan Islam ini juga boleh dijadikan sebahagian daripada kurikulum di institusi pengajian Islam.

Kesimpulan

Al-Quran sentiasa relevan kerana ia merupakan petunjuk abadi yang melangkaui batas masa dan perkembangan teknologi. Cabaran utama pada era digital hari ini ialah bagaimana memastikan mesej dan kefahaman al-Quran disampaikan dengan tepat dalam konteks semasa, tanpa mengabaikan prinsip asas tafsir, disiplin ilmu Islam, serta maqasid al-Syariah. Dalam dunia yang semakin bergantung pada teknologi, usaha mengekalkan keaslian dan kesucian ajaran al-Quran menuntut kebijaksanaan, ketelitian, serta penglibatan aktif para ilmuwan yang arif dalam kedua-dua bidang teknologi dan tradisi ilmu Islam. Kecerdasan buatan (AI) perlu difahami sebagai alat bantu (*wasilah*), bukannya pengganti wahyu atau autoriti ilmu yang muktabar. Penggunaannya dalam pengajian al-Quran memerlukan pendekatan berhikmah dan penuh tanggungjawab agar tidak menyelewengkan makna sebenar wahyu Ilahi. Oleh itu, kerjasama antara pakar teknologi, ilmuwan Islam dan institusi pendidikan Islam wajar diperkukuh bagi membangunkan ekosistem digital yang patuh syariah serta mesra pengguna. Dengan keseimbangan ini, potensi AI dapat dimanfaatkan secara optimum sebagai medium dakwah maya dan pendidikan al-Quran tanpa mengorbankan nilai wahyu Allah Taala.

Penghargaan

Artikel sebahagian daripada kertas kerja pembentangan dalam World Quran Symposium 2025 (WQS '25): Embracing the Quran, Engaging in Civilization yang bertempat di Dewan Merdeka, World Trade Centre Kuala Lumpur pada 7 Ogos 2025. Penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Rujukan

- Abdul Qayyum, & Saifullah. (2025). Artificial Intelligence and the Quran: Ethical Boundaries in Light of Islamic Teachings. *Journal of Religion and Society*, (01), 19–34.
- Abdul Wahid, M. Y. K., & Khan, M. Y. (2024). A Study on Personalized Learning Experience through AI-driven User Profiling in E-learning Platforms. *International Journal of Intelligent Systems and Applications in Engineering*, 12(3), 1323–1331.
- Abdul-Jabbar Ibn Yusuf. (2024). *AI & the Muslim Soul: Navigating the Inner Journey in the Digital Age*. Buy Me A Coffee. <https://buymeacoffee.com/omar1800m/ai-muslim-soul-navigating-inner-journey-digital-age>
- Abu Khadeejah Abdul-Wahid. (2023). *AI (Artificial Intelligence) Software Changes Realities: A New Age of Fabrication Has Arrived. Look how the voice of shaikh ibn bāz was manipulated*. AbuKhadeejah.com.<https://abukhadeejah.com/ai-artificial-intelligence-software-changes-realities-a-new-age-of-fabrication-has-arrived-look-how-voice-ibn-baz-was-manipulated/>. 15 April.
- Al-Attas, S. M. N. (1995). *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Al-Dahdouh, A. A., Osman, M. E., & Ahmed, A. N. (2020). Artificial Intelligence in E-Learning: Enhancing the Quality of Education. *Journal of Theoretical and Applied Information Technology*, 98(12), 2124–2132.
- Al-Momani I. (2025). Ethical Challenges for Using Artificial Intelligence in Understanding Islamic Jurisprudence. *Salud, Ciencia y Tecnología - Serie de Conferencias*.
- Bashir, M. H., Azmi, A. M., Nawaz, H., Zaghouni, W., Diab, M., Al-Fuqaha, A., & Qadir, J. (2023). Arabic Natural Language Processing for Qur’anic Research: A Systematic Review. *Artificial Intelligence Review*, 56(7), 6801–6854. <https://doi.org/10.1007/s10462-022-10313-2>
- Borham, A.H.B & Ghani, Z.B.A. (2015). Pola Pendedahan Internet dan Impaknya terhadap Kefahaman Islam dalam kalangan Ahli Akademik di UKM dan USIM. *Malaysian Journal of Communication*. 31(2) 405-421.
- Discover AI (2022). *Islamic virtue-based ethics for artificial intelligence: A framework based on Maqasid al-Shariah*. Springer. mjs.um.edu.my+5SpringerLink+5journal.maqasid.org+5
- Djazilan, S., Rulyansah, A., & Rihlah, J. (2024). Why AI is essential for the future of Islamic education: A call for ethical and effective implementation. *Edukasia: Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran*, 5(2), 201–216.
- Etzioni, A., & Etzioni, O. (2017). *Incorporating ethics into artificial intelligence*. *Journal of Ethics*, 21(4), 403–418. <https://doi.org/10.1007/s10892-017-9252-2>
- Haryono, K., Rajagede, R. A., & Negara, M. U. A. S. (2023). Quran Memorization Technologies and Methods: Literature Review. *IJID International Journal on Informatics for Development*, 11(1), 192–201. <https://doi.org/10.14421/ijid.2022.3746>
- Kannike, Uthman Mohammed Mustapha, dan Abdul Gafar Olawale Fahm. (2025). Exploring the Ethical Governance of Artificial Intelligence from An Islamic Ethical Perspective. *Jurnal Fiqh* 22(1) 134–161.
- Latifi, H. (2024). Challenges of Using Artificial Intelligence in The Process of Shi’i Ijtihad. *Religions*, 15(5), 541. MDPI. <https://doi.org/10.3390/rel15050541>
- Mahrusah, L. (2025). Artificial Intelligence for Da’wah: Investigating Ai Applications and Authenticity Challenges. *Journal of Islamic Digital Studies*, 1(1), 12-25. <https://ejournal.ciesspublisher.org/index.php/jariyah/article/view/34>

- Mas'ar, F. (2024). Artificial Intelligence and Islamic Ethics: A Framework for Ethical AI Development Based on Maqasid Al-Shariah. *ICANEAT-APIBANYUWANGI Proceedings*.
- Mohamed, A. I. (2023). *AI and the Loss of Spiritual Meaning: Challenges in Qur'anic Engagement*. Traversing Tradition. <https://traversingtradition.com/2025/06/23/preserving-islamic-culture-in-the-age-of-artificial-intelligence-a-reflective-inquiry/>
- Mohd Naim Yaakub. (2022). Transformasi Pendidikan Islam Berasaskan Teknologi AI. Seminar Teknologi dalam Dakwah dan Pendidikan Islam.
- Muhammad, M., Sapuan, M. Z., & Jani, M. H. (2025). Etika Penggunaan Prompt Kecerdasan Buatan (AI) dalam Memelihara Kesahihan Pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam Akidah, Fikah dan Tasawuf. *Jurnal Usuluddin*, 53(1), 75–98. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol53no1.4>
- Mustoip, S., Al Ghozali, M. I., Lestari, D., & Dz, A. S. (2024). Implementation of Artificial Intelligence in Islamic Religious Education Learning at Madrasah Ibtidaiyah. *Eduprof Islamic Education Journal*, 6(1), 72–77. <https://doi.org/10.47453/eduprof.v6i1.268>
- Nawi, A., Khamis, N. Y., Yaakob, M. F. M., Samuri, M. A. A., & Zakaria, G. A. N. (2023). Exploring Opportunities and Risks of Artificial Intelligence Research for Islamic Ethical Guidelines. *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 25(2), 1–34.
- Nik Nurul Akmal Ab Alim, Khairussaadah Wahid, Siti Nor Haliza Abd Zamani, Faezy Adenan. 2025. Artificial Intelligence (AI) Sebagai Alat Bantuan Hafalan Al-Quran: Kajian Eksploratori Terhadap Potensi Penggunaan Aplikasi AI dalam Kalangan Pelajar Bukan Bidang Pengajian Islam. *QURANICA, International Journal of Quranic Research*, Special Issue. 14, 157-186.
- Nirwana A. N, A., Rifai, A, Ali, M., Ali Mustofa, T, Nur Vambudi, V. Nur Rochim Maksum, M., & Umar Budihargo, M (2025). SWOT Analysis of AI Integration in Islamic Education: Cognitive, Affective, and Psychomotor Impacts. *Qubahan Academic Journal*, 5(1), 476–503. <https://doi.org/10.48161/qaj.v5n1a1498>
- OpenAI. (2023). *ChatGPT and the Future of Personalized Education*. Retrieved from: <https://openai.com/blog/chatgpt>
- Osman Bakar. (2016). Science and Technology for Mankind's Benefit: Islamic Theories and Practices – Past, Present and Future. Dlm. Mohammad Hashim Kamali, Osman Bakar, Daud Abdul-Fattah Batchelor, Rugayah Hashim. *Islamic Perspectives on Science and Technology: Selected Conference Papers*. Singapore: Springer
- Ramlan Mustapha, & Siti Norma Aisyah Malkan (2025). Maqasid al-Shariah in the AI Era: Balancing Innovation and Islamic Ethical Principles. *International Journal of Islamic Theology & Civilization*, 3(3), 1–21. <https://doi.org/10.5281/zenodo.15381828>
- Russell, S., & Norvig, P. (2021). *Artificial Intelligence: A Modern Approach* (4th ed.). Pearson.
- Sri Wahyuni, MA Syaripudin, Evi Fitri Aglina, Zamhariri, Fariza Makmun, Achlami & Mansur Hidayat (2025). Artificial Intelligence for Moderate Da'wah Communication: Science Perspective. In the *International Conference on Da'wah & Communication 2024, KnE Social Sciences*, pages 86–94. DOI 10.18502/kss.v10i14.19076
- Tarteel AI. (2024). *The AI-powered Quran Companion*. Retrieved from: <https://www.tarteel.ai>
- Usmonov, M. (2025). From Human Scholars to AI fatwas: Media, Ethics, And the Limits of Ai In Islamic Religious Communication. *Journal of Contemporary Islamic Communication and Media (JCICOM)*, 1(1), 1–15.
- Yusup, N. M., Abdul Rahim, M. M., & Borham, A. H. (2025). Murajaah in Quran Memorization Among Islamic Students: A Systematic Literature Review. *International Journal of Modern Education*, 7(24), 17–36. DOI: 10.35631/IJMOE.724002

- Zhang, J., Song, W., & Liu, Y. (2025). *Cognitive Bias in Generative AI Influences Religious Education*. Scientific Reports. Advance online publication. <https://doi.org/10.1038/s41598-025-99121-6>
- Zuharin, M. F., & Satria, S. (2023). Kecerdasan Buatan dan Etika Islam: Suatu Pendekatan Konseptual. *Jurnal Teknologi Islam dan Masyarakat*, 12(1), 45–60.